



UMP- UTY kongsi amalan terbaik dalam bidang penyelidikan dan paten

Dalam merealisasikan hasrat menjadi universiti teknologi bertaraf dunia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memperkenalkan strategi penjenamaannya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi apabila berkongsi amalan terbaik penyelidikan dan paten dalam Seminar Antarabangsa dan Simposium Kebangsaan "Global Competitiveness through Research Supporting Commercial Industry" anjuran University Technology Yogyakarta (UTY), Yogyakarta pada 23 Jun 2012 yang lalu.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima jemputan daripada pihak UTY dalam menjayakan sidang plenary sempena seminar yang mengumpulkan tokoh akademik dan pakar dari Malaysia dan Indonesia.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti turut memainkan peranan penting dalam menghasilkan inovasi dalam penyelidikan dan paten untuk terus bersaing di peringkat antarabangsa.

"Pertambahan dana pembangunan dan penyelidikan serta kolaborasi antara syarikat dengan institusi penyelidikan awam merupakan antara faktor yang dapat melonjakkan budaya penyelidikan dan inovasi di universiti," katanya semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "Global Competitiveness through Research and Patents: Are We Ready?" di Hyatt Regency Hotel Yogyakarta sempena seminar itu.

Dr. Daing Nasir juga turut berkongsi

maklumat mengenai statistik pendaftaran paten bagi tahun 2009 yang mendapati negara Malaysia menduduki tempat ke-30 manakala negara Indonesia menduduki tempat ke-78.

Manakala negara Singapura di tangga ke-22 dengan 594 paten difailkan. Namun, katanya jumlah ini mungkin terdapat sedikit perubahan data bagi tiga tahun kebelakangan ini.

Tambah beliau, universiti turut berperanan dalam menyumbangkan produk penyelidikan yang berinovasi dalam melonjakkan pembangunan dan penyelidikan negara.

Sementara itu, Rektor UTY Bambang Hartadi berkata, penganjuran seminar ini juga membincangkan hasil penyelidikan dan kepentingan paten di universiti dan industri; pembangunan sumber manusia dan kepentingan dunia penyelidikan dalam berdepan cabaran dan persaingan dunia global khususnya dalam bidang berkaitan Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Industri, Pembinaan, Kejuruteraan Awam dan Ekonomi.

Katanya, universiti harus responsif terhadap keperluan masyarakat dan industri yang seterusnya dapat dipaten serta dikomersilkan.

Beliau turut menyarankan agar para penyelidik di Indonesia lebih berusaha dalam menambah jumlah paten dan penerbitan saintifik memandangkan hasil kajian SCIMAGO yang dijalankan pada tahun

2010 mendapati penerbitan saintifik yang dihasilkan di Indonesia hanya berjumlah 2032 berbanding Malaysia yang berjaya menghasilkan 14,407 manakala negara Thailand (9129) dan Singapura (13,913).

Panel lain terdiri daripada Profesor Hasnah Hj. Haron dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membentangkan kertas kerja mengenai "Research Culture in Malaysia", Dr. Yusniza Kamarulzaman dari Universiti Malaya (UM) bertajuk "Research Supporting Commercial Industry" dan Profesor Dato' Ishak Ismail dari USM yang membentangkan kertas kerja bertajuk, "Human Resources Development Strategy: Winning Global Competitiveness - The Malaysian Experience".

Lain-lain ialah profesor dari Institut Teknologi Surabaya, Profesor Dr. I Nyoman Sutantra; Profesor dari UTY, Profesor Dr. Emita W. Astami; Pengurus Toyota Astra Motor, Tarsimin dan Profesor Dr. Lincoln Arsyad sebagai moderator.

Dalam majlis berlainan, Dato' Dr. Daing turut menyampaikan biasiswa UMP kepada dua bakal siswazah daripada UTY yang akan menyambung pengajian di peringkat kedoktoran dalam bidang komputer pada bulan September ini.

Hadir sama, Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Profesor Datin Dr. Nasly Mohamed Ali, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Engr. Dr. Ideris Zakaria dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain.